

16/08/2001

Pembatalan penjualan Pos Malaysia langkah terakhir

PENJUALAN Pos Malaysia Bhd kepada Phileo Allied Bhd (PAB) hanya akan dibatalkan sebagai langkah terakhir, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Hashim Ismail.

Beliau berkata hingga kini rundingan mengenai penjualan Pos Malaysia kepada PAB masih dijalankan bagi membolehkan kerajaan menguasai 32.9 peratus dalam PAB seperti yang dirancang sebelum ini.

"Baru-baru ini, ada cadangan nak batalkan penjualan, tetapi satu kata putus belum dibuat," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2001 pada persidangan Dewan Negara, semalam.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata kerajaan perlu mengkaji dengan terperinci sebelum memutuskan sama ada untuk meneruskan atau membatalkan janji niaga bagi menjual Pos Malaysia kepada PAB.

Kajian itu perlu berikutan perkembangan terbaru dalam janji niaga itu yang mengakibatkan kerajaan terpaksa membuat penambahan tunai RM230 juta jika mahu menjadi pemegang saham tunggal terbesar PAB selepas penjualan Pos Malaysia kepada PAB.

"Kerajaan sedang mengkaji dan berunding mengenainya. Keputusan kajian itu akan diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan," katanya.

Shafie berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian di antara Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB) dengan Hijrah Unit Trust Management Bhd (HUTMB) di Kuala Lumpur, semalam.

Pada 24 Mei lalu PAB memeterai perjanjian dengan Menteri Kewangan DiPerbadankan (MoF Inc) bagi membeli 100 peratus kepentingan atau 98.23 juta saham Pos Malaysia pada pertimbangan tunai RM800 juta.

Mengikut perjanjian itu, PAB akan membayar RM550 juta secara tunai manakala bakinya menerusi pinjaman boleh tukar boleh tebus RM250 juta yang diberikan kepadanya oleh kerajaan.

Kerajaan diberi pilihan untuk menukar pinjaman berkenaan kepada saham PAB pada kadar RM1 bagi satu saham bagi membolehkannya muncul sebagai pemegang saham terbesar dalam PAB dengan ekuiti 32.9 peratus, sekali gus terus menguasai Pos Malaysia.

Namun, Suruhanjaya Sekuriti (SC) menyemak kadar tukaran berkenaan daripada RM1 kepada RM1.92. Berikutan itu, jika kerajaan menukar pinjaman berkenaan kepada saham, ia akan hanya menguasai 19.4 peratus kepentingan dalam PAB.

Untuk menguasai 32.9 peratus ekuiti PAB, ia perlu membuat penambahan tunai RM230 juta.

Kementerian Kewangan dalam kenyataannya kelmarin menyebut bahawa ia sedang mengenal pasti semua opsyen bagi memastikan kerajaan kekal menguasai Pos Malaysia meskipun selepas diswastakan menerusi PAB.

Kementerian itu berkata, walaupun kerajaan ingin menjayakan penswastan Pos Malaysia, ia tidak bercadang bertolak ansur bagi mendapat nilai saksama bagi kepentingannya dalam syarikat itu.

Sementara itu, pemegang saham PAB pada Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) semalam meluluskan resolusi bagi pengambilalihan keseluruhan ekuiti dalam Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) merangkumi 98.232 juta saham biasa bernilai RM1 seunit daripada MoF Inc.

(END)

